




PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN  
SIDANG AKADEMIK 2019/2020

PPK 212: MASALAH PENDENGARAN

TAJUK:

IMPLIKASI MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PERKEMBANGAN  
PEMBELAJARAN KANAK-KANAK MASALAH PENDENGARAN,  
SERTA BAGAIMANA UNTUK MEMBANTU MEREKA

NAMA PENSYARAH: PROFESOR MADYA DR. AZNAN BIN CHE  
AHMAD

	<p>NAMA PELAJAR: NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID NO. MATRIK: 141084 NO. KAD PENGENALAN: 980620-02-5740</p>
	<p>NAMA: NUR KHAIRUNNISA' BINTI HARUN NO. MATRIK: 141416 NO. KAD PENGENALAN: 980622-11-5352</p>

## PENGENALAN

Di Malaysia, terdapat 283,512 orang kurang upaya (OKU) dan seramai 37,729 daripadanya merupakan individu yang berdaftar bagi masalah pendengaran (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009). Menurut statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2009 telah menunjukkan tahap kecacatan golongan orang kurang upaya telah terbahagi kepada enam kategori iaitu cacat penglihatan, pendengaran, fizikal, masalah pembelajaran, cerebral palsy dan lain-lain. Masalah pendengaran merupakan kecacatan neurologi yang paling kerap berlaku dalam populasi manusia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1999 telah menganggarkan bahawa hampir 250 juta penduduk dunia telah mengalami masalah pendengaran (Che Lah, 2008).

Menurut Chua dan Koh (1992) telah menyatakan, kanak-kanak cacat pendengaran ialah mereka yang mengalami kerosakan pendengaran dalam pelbagai keadaan dan tidak dapat bertindak balas terhadap tahap bunyi di sekitarnya. Sementara itu Asmah Omar (1984) menyatakan individu cacat pendengaran telah ditakrifkan sebagai seorang yang dilahirkan dengan kecacatan pendengaran yang tidak dapat mengenali bunyi bahasa yang menyebabkan mereka tidak dapat mendengar perbualan orang lain. Individu cacat pendengaran juga tidak dapat mengalami dan menghargai pemikiran dan budaya melalui bahasa. Tambahan pula, Bee (1995) menekankan bahawa kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran adalah mereka yang mempunyai kesukaran pendengaran atau pendengaran kekurangan yang jelas. Menurut Safani Bari (1999) masalah pendengaran ialah individu pekak yang tidak dapat fahami pertuturan melalui deria pendengaran atau tanpa menggunakan alat pendengaran, bermakna mereka mengalami kepekakan yang amat teruk iaitu kehilangan pendengaran 90-120 dB.

Oleh itu, masalah pendengaran ialah kekurangan pendengaran yang dialami oleh kanak-kanak yang akan mempengaruhi proses pembelajaran dan akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Satu inisiatif perlu dijalankan untuk kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran dapat belajar dan dapat berjaya seperti orang lain. Pelbagai kaedah perlu dilakukan untuk membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran dalam pembelajaran seperti menggunakan alat bantu mengajar, bahasa isyarat dan sebagainya. Kita haruslah peka terhadap perubahan kanak-kanak supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran.

## **DEFINISI PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN**

Perkembangan adalah perubahan kualitatif yang tidak dapat diukur secara kuantitatif tetapi dapat dilihat dari sifat baru yang berlainan dari sifat yang lebih awal (Haliza dan Joy). Santrok (2008), Perkembangan dapat ditafsirkan sebagai perubahan dalam corak biologi, kognitif, sosio emosi, psikomotor individu yang bermula dari peringkat percambahan sehingga ke akhir hayat. Ini dapat disimpulkan bahawa, perkembangan adalah satu proses perubahan yang melibatkan pelbagai aspek dalam diri seseorang dari satu peringkat yang lebih awal sehingga peringkat akhir.

Manakala pembelajaran pula dianggap sebagai perolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat bermula sebaik sahaja dilahirkan. Pembelajaran bukan setakat merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan termasuk juga emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran. Pembelajaran ini membawa perubahan pada diri seseorang, sama ada perubahan kebaikan atau keburukan.

Dengan ini perkembangan pembelajaran merupakan perubahan yang berlaku berdasarkan perolehan maklumat atau pengetahuan yang membawa banyak kesan antaranya kesan kepada biologi, kognitif, sosio emosi mahupun psikomotor seseorang individu. Dalam konteks ini, perkembangan pembelajaran kanak-kanak bermasalah pendengaran ianya melalui banyak perubahan yang dialaminya kerana mereka mengalami kesukaran dalam mendapatkan maklumat atau pengetahuan. Hal ini demikian membawa kepada mereka hilang keupayaan untuk mendengar secara normal bergantung pada tahap dan jenis masalah pendengaran yang dialami. Hal ini banyak mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka sama ada di rumah, luar rumah, sekolah dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, menjadi tanggungjawab semua pihak dalam membantu mewujudkan kolaborasi bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas bermasalah pendengaran bagi memastikan kebajikan mereka tidak diabaikan dan seterusnya mereka mendapat pendidikan yang bersesuaian dan sewajarnya supaya mereka tidak ketinggalan dan dapat turut serta dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka dengan sempurna seperti manusia yang normal.

## **IMPLIKASI MASALAH PENDENGARAN TERHADAP PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK**

Terdapat beberapa kesan yang akan terjadi apabila kanak-kanak yang mempunyai masalah pendengaran terhadap perkembangan pembelajaran mereka. Masalah ini akan menganggu proses pembelajaran mereka dan membuatkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Antara kesan masalah pendengaran terhadap perkembangan pembelajaran kanak-kanak masalah pendengaran ialah:

### *1. Kognitif*

Kognitif adalah merujuk aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Kognitif merupakan pendekatan yang memberi perhatian khusus kepada proses pemikiran individu seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran belajar dan sebagainya. Jadi apabila individu yang mempunyai masalah pendengaran mereka mempunyai tahap kognitif yang rendah kerana mereka lemah dalam pengamatan termasuklah tumpuan, perhatian serta pengolahan. Tumpuan dan perhatian terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran yang terhad kerana bergantung sepenuhnya kepada deria penglihatan untuk mendapatkan maklumat menyebabkan mereka akan cepat merasa letih dan mudah hilang fokus. Hal ini akan menyebabkan kanak-kanak tersebut kurang mendapat input yang diberikan oleh guru kerana guru tidak menggunakan pendekatan yang lebih baik.

Seterusnya, kanak-kanak ini juga sukar mengaplikasi pengetahuan yang sedia ada dalam situasi pembelajaran. Dengan kognitif yang lemah, mereka sukar untuk mengeluarkan idea dan memberi pendapat. Sebagai contoh, guru menanyakan cara memasak maggi namun kanak-kanak tersebut tidak mampu untuk memberitahu bagaimana untuk memasak maggi sedangkan kanak-kanak tersebut tahu cara untuk memasak maggi. Mereka sukar untuk menerangkan semula pengetahuan yang sedia ada apabila ditanya kerana mempunyai kognitif yang lemah dan mudah lupa terhadap sesuatu perkara.

## *2. Akademik*

Pencapaian akademik kanak-kanak masalah pendengaran adalah rendah kerana mereka tidak dapat menyatakan sesuatu dengan baik dan berkesan sama ada melalui bahasa lisan mahupun tulisan. Pelajar yang lemah dalam lisan gagal memahami perkataan yang disampaikan sekaligus sukar melibatkan diri dalam pergaulan bersama dengan rakan. Mereka akan berasa rendah diri kerana mereka tidak seperti kanak-kanak normal yang lain yang mampu untuk bercakap menggunakan lisan.

Guru perlulah mengambil berat tentang akademik mereka supaya pencapaian akademik mereka cemerlang seperti kanak-kanak normal. Guru perlu mengubah pedagogi pengajaran supaya kanak-kanak tersebut dapat memahami segala maklumat yang telah diajar. Setiap guru perlulah kreatif untuk mengajar supaya pelajar tidak mudah bosan kerana pelajar masalah pendengaran akan mudah hilang fokus sekiranya suatu pengajaran itu tidak menarik.

Cara kedudukan meja juga memainkan peranan kerana apabila kedudukan meja tidak betul, maka kanak-kanak akan cepat hilang fokus kerana dia berasa guru tidak mengambil berat tentangnya. Susunan meja yang sesuai untuk pelajar yang mempunyai masalah pendengaran ialah susunan yang berbentuk U ataupun berbentuk ladang kuda. Hal ini kerana, apabila susunan meja berbentuk U, pelajar lebih dekat dengan guru dan guru senang untuk memberi perhatian kepada setiap orang. Guru juga tidak perlu menggunakan suara yang kuat untuk mengajar kerana kedudukan guru adalah di tengah-tengah dan berdekatan dengan murid.

## *3. Bahasa*

Kanak-kanak bermasalah pendengaran akan mengalami ketidakupayaan untuk bertutur dan lemah dalam penguasaan bahasa. Hal ini kerana, mereka tidak menggunakan komunikasi lisan untuk bercakap dan menyebabkan penguasaan tatabahasa kurang. Mereka akan berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat yang sesetengah orang tidak mampu untuk memahami apa yang mereka bercakap dan akan menimbulkan perasaan rendah diri dalam diri mereka.

Kanak-kanak ini juga mengalami masalah bahasa reseptif dan ekspresif. Bahasa reseptif ialah kanak-kanak tersebut tidak mampu untuk memahami apa yang diperkatakan oleh orang lain manakala bahasa ekspresif pula ialah tidak mampu menyatakan sesuatu yang dia fikirkan kepada orang lain. Hal ini terjadi kerana kesan masalah pendengaran yang mengakibatkan bahasa kanak-kanak tersebut lemah dan tidak menguasai tatabahasa. Kanak-kanak ini juga mengalami masalah dari segi struktur ayat. Sebagai contohnya, mereka tidak tahu subjek dan

predikat di dalam ayat, tanda baca, ejaan dan sebagainya. Guru perlulah menggunakan pendekatan yang sesuai untuk mengajar kanak-kanak ini mendapat input yang akan diajar.

## **CARA MENGATASI MASALAH PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK BERMASALAH PENDENGARAN.**

Walaupun kanak-kanak bermasalah pendengaran mengalami kesulitan dalam menjalani kehidupan sehari-hari kerana terbantut dalam pendengaran, tidak menjadi penyebab untuk mereka untuk tidak menuntut ilmu. Terdapat pelbagai cara dalam membantu mereka dalam mengatasi masalah perkembangan dalam pembelajaran mengikut tahap kefungsian pendengaran mereka.

Beberapa pendekatan pengajaran dilakukan untuk murid bermasalah pendengaran akibat daripada kerosakan sensori pendengaran menyebabkan mereka tidak dapat bertutur. Kaedah bacaan bibir pertuturan kiu, komunikasi seluruh, bahasa isyarat kod tangan dan bahasa isyarat Malaysia, ejaan jari, penggunaan bahan bantu mengajar dan persekitaran dan suasana dalam kelas antara kaedah yang digunakan sebagai kaedah pendekatan untuk mengajar murid bermasalah pendengaran ini. Menurut Jamila (2005), keberkesanan kaedah ini bergantung pada tahap kehilangan pendengaran dan peluang tindakan yang mereka ikuti.

### *I. Kaedah Bacaan Bibir*

Bacaan bibir merupakan kaedah komunikasi melalui memahami pertuturan dengan mengikut atau memerhatikan bibir penutur termasuklah memahami atau mentafsir hingga ke otot muka dan gerak badan penutur. Komunikasi kaedah ini sesuai bagi mereka yang memberi perhatian yang tinggi kepada bibir penutur. Kaedah ini juga menekankan kepada penggunaan penglihatan yang sepenuhnya. Bacaan bibir ini adalah pertuturan tulen (pure oral) yang memberi tekanan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa melalui pertuturan secara sengaja atau lebih dikenali sebagai secara langsung atau secara terus. Pendekatan bacaan bibir ini memerlukan murid-murid pekak bertutur sebagaimana murid-murid biasa yang normal bertutur.

## *2. Kaedah Pertuturan Kiu*

Kaedah pertuturan kiu melibatkan sistem pergerakan tangan yang boleh membezakan bunyi-bunyi apabila melihat pergerakan bibir, contohnya bunyi /p/, /b/, dan /m/ iaitu bunyi fitur disingtif seperti bunyi vokal dan bunyi nasalisasi iaitu bunyi sengau. Terdapat lapan bentuk tangan yang ditentukan mengikut konsonan yang berbeza dan empat bentuk tangan yang menentukan bunyi yang berkait dengan huruf vokal. Kaedah ini diperkembangkan dari kaedah bacaan bibir iaitu menggunakan bentuk-bentuk tangan yang dilambangkan (kiu), di tentukan pada kawasan-kawasan di mana bentuk tangan menentukan bunyi perkataan. Pertuturan kiu ini melibatkan tangan digerakkan hampir dengan muka penutur tapi bukan bahasa isyarat, ianya Cuma cara untuk mngenalpasti sesuatu bunyi sahaja. Penutur juga menggunakan salah satu tangan untuk membolehkan pembaca bibir mengecam dengan jelas setiap suku kata yang dituturkan oleh penutur. Kaedah ini menggabungkan pertuturan dan isyarat (kiu) serentak.

## *3. Kaedah Komunikasi Seluruh*

Kaedah komunikasi seluruh adalah satu kaedah yang menggabungkam ejaan jari, isyarat, bacaan bibir, pertuturan dan implikasi auditori ataupun dikenali juga sebagai bahasa isyarat manual-visual. Elemen penting dalam kaedah ini ialah penggunaan isyarat dan pertuturan secara serentak. Melalui kaedah ini, kanak-kanak dapat memahami apa yang dinyatakan mengikut keupayaan masing-masing. Kaedah ini dikenali sebagai ‘Komunikasi Seluruh Kod Tangan Bahasa Melayu’. Dalam ‘Komunikasi Seluruh’ guru akan menggunakan apa-apa sahaja untuk membolehkan murid-murid memahami bahasa seperti mimik muka, lakonan, pertuturan dan sebagainya (Abdullah, 2002). Manakala ‘Kod Tangan Bahasa Melayu’ merujuk kepada penggunaan kod yang disampaikan melalui isyarat bagi mewakili setiap kosa kata Bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Ini bermakna, guru mengguakan pelbagai media (isyarat,lisan,lakonan) semasa pengajaran untuk disesuaikan dengan kebolehan murid-murid yang mempunyai tahap kefungsian pendengaran yang berbeza. Bagi murid yang pekak sederhana, mereka berpeluang mendengar bunyi bahasa dan bagi yang pekak teruk, mereka dapat memahami melalui isyarat. Selain itu, mereka juga mungkin lebih faham apabila guru-guru menggunakan pelbagai media semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

#### *4. Bahasa Isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM)*

Kod tangan Bahasa Melayu atau secara ringkasnya, KTBM ialah kod tangan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai bahasa komunikasi bagi masyarakat yang bermasalah pendengaran ataupun masyarakat pekak dan bisu. Kod tangan ini telah diseragamkan mengikut asas-asas dan tatabahasa serta prinsip-prinsip Bahasa Melayu seperti yang didengar, diperbualukan, ditulis, dibaca dan difahami oleh orang ramai. Menurut Abdullah Yusoff (1996) KTBM adalah bahasa isyarat yang menggunakan seluruh anggota termasuk mimik muka semasa berkomunikasi. KTBM ini juga menggunakan kombinasi dari bahasa isyarat, kod ejaan jari dan pertuturan yang digunakan. KTBM ini juga memberi penekanan kepada pembelajaran bahasa melayu melalui kod dan bukan menukar kod kepada bahasa.

#### *5. Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)*

Bahasa Isyarat Malaysia atau secara ringkasnya, BIM ialah bahasa yang tulen bagi orang pekak Malaysia ataupun digunakan oleh sebahagian besar masyarakat orang pekak. BIM merupakan bahasa yang tidak mengikut tatabahasa dari mana-mana bahasa dan ianya juga tidak digunakan secara formal dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. BIM juga merupakan bahasa yang digunakan orang pekak untuk berkomunikasi secara visual antara satu sama lain. Komunikasi melalui BIM ini disampaikan dengan menggunakan pergerakan tangan, pergerakan badan dan mimik muka. Individu

lawan bicara pula menggunakan deria penglihatan untuk menerima dan memahami maksud isyarat yang disampaikan tersebut. Menurut Asmah Haji Omar (1986), isyarat-isyarat yang dihasilkan oleh orang pekak merupakan keperluan minimum untuk mereka terus berhubung.

### ***PERBEZAAN ANTARA BIM DAN KTBM***

BIM	KTBM
Digunakan di tanah Melayu sejak 1994 di SKPK Persekutuan Pulau Pinang	Merupakan Terjemahan dari ISL pd tahun 1970 untuk sesi PnP di sekolah
Dicipta oleh orang pekak itu sendiri (untuk kegunaan orang tidak pekak)	Dicipta oleh golongan akademik Profesional (BM untuk orang Pekak)
	Pencipta kurang pengalaman pekak
Mempunyai makna yang berbeza bg setiap simbol bahasa isyarat	Walaupun perkataan yang sama tetapi makna yang berbeza, KTBM menggunakan simbol yang sama
	Memerlukan mimik muka dan ayat yang betul
Golongan pekak menggunakan ayat yang tidak tepat	Menggunakan tatabahasa dan sintaksis yang tepat
	Setiap simbol mempunyai kata dasar sendiri – mempunyai kod yang sama tetapi kata dasar yang lain
Subjek dan predikat tidak disusun dengan betul	Lebih menekankan penggunaan BM dengan baik dan betul dari segi tatabahasa dan imbuhan
Ringkasan dan tiada imbuhan pada perkataan	

#### *6. Kaedah Ejaan Jari*

Kaedah ejaan jari merupakan kaedah dalam menggunakan jari untuk mengeja perkataan. Penggunaan jari ini adalah untuk membentuk kod abjad yang kebiasaannya digunakan dalam Bahasa Melayu. Kaedah ini juga digunakan

untuk membentuk kata nama khas dan perkataan yang tiada kod tangan. Menurut Abd Rahim (2013), ejaan jari merupakan bahagian penting dalam komunikasi orang-orang berkeperluan khas bermasalah pendengaran. Pengejaan jari ini memerlukan penguasaan abjad kerana setiap perkataan atau kosa kata yang hendak diperkatakan perlu dieja dengan cekap agar komunikasi yang digunakan tersebut berkesan.

Ejaan jari ini mempunyai 3 aspek penting iaitu **penyampaian ejaan jari**. Di mana ianya menggunakan pergerakan fizikal bagi menyampaikan maklumat melalui huruf-huruf gerakan tangan. Seterusnya, **penerimaan ejaan jari**. Penggunaannya ialah melalui gerakan pandangan mata bagi menerima maklumat melalui huruf-huruf gerakan jari. Dan aspek ketiga ialah **ejaan jari**. Ejaan jari ini digunakan bagi tambahan kepada pertuturan dan bacaan bibir. Dengan demikian, dalam ejaan jari ini kita mestilah selalu bertutur atau menggerakkan bibir menyebut tiap-tiap perkataan serentak dengan ejaan jari dan kod tangan.

## *7. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar*

Penggunaan bahan bantu mengajar atau secara ringkasnya bbm adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar lebih-lebih lagi kepada pelajar berkeperluan khas dalam meningkatkan prestasi belajar. Dengan demikian guru-guru perlulah memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi melaksanakan pengajaran abad ke-21 seperti yang disarankan oleh Kementerian serta menyahut hasrat Negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Penggunaan BBM kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran banyak mendatangkan faedah dan manfaat. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kanak-kanak tersebut mempunyai masalah pada kefungsian pendengarannya, mereka akan menggunakan pancaindera melihat dengan lebih banyak berbanding dengan pancaindera lain. Dalam hal ini, guru boleh menghasilkan pelbagai BBM terhadap sesuatu topik yang akan diajar di dalam kelas,

penggunaan BBM tersebut tidak semestinya menarik namun mestilah mengikut kriteria penggunaan BBM yang baik bagi menjana idea yang berasaskan kepada pelajar bermasalah pendengaran. Sebagai contoh, menggunakan bahan bantu mengajar seperti gambar rajah, grafik, fotografi, penggunaan lcd dan lain-lain. Guru juga boleh menerapkan topik pengajaran ke dalam bentuk video yang disediakan sari kata. Dengan ini pelajar dapat memahami sesuatu topik itu dengan lebih cepat dan dengan lebih baik.

#### *8. Persekutaran Dan Suasana Dalam Kelas*

Persekutaran dan suasana yang kondusif di sekolah maupun di rumah sangat penting kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran dalam memastikan kehidupan sehari-hari mereka lebih bermakna dan berfungsi. Guru disini memainkan peranan supaya lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dapat belajar dengan baik dan dapat menguasai pengetahuan dengan lebih berkesan tambah-tambah lagi kepada pelajar yang mengalami tahap kefungsian pendengaran yang berbeza-beza. Di dalam kelas, terdapat pelbagai faktor yang saling mempengaruhi dalam menentukan keberkesanannya pembelajaran yang berlaku. Antaranya ialah guru, pelajar dan persekitaran pembelajaran yang juga merupakan penentu dalam keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Reka bentuk fizikal bilik darjah, termasuklah studio, makmal atau persekitaran dalaman yang lain mempunyai kesan yang mendalam terhadap keberkesanannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar bermasalah pendengaran. Perspektif fizikal ini boleh dilihat dari segi saiz dan bentuk bilik, ruang, pengcahayaan dalaman, warna, tahap kebisingan dan susuanan tempat duduk serta kemudahan teknologi moden yang akan digunakan. Faktor-faktor ini sangat mempengaruhi keberkesanannya pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebagai contoh, kesesuaian kedudukan di dalam kelas memungkinkan mereka untuk menerima segala maklumat dengan baik atau tidak sangat dipengaruhi. Bagi pelajar yang mengalami masalah pendengaran yang agak teruk, mereka mestilah diletakkan

berdekatan dengan guru supaya mereka dapat mengikuti apa yang diajar oleh guru melalui penglihatan.

## RUMUSAN

Masalah pendengaran menjadi penghalang besar dalam mewujudkan perhubungan yang sempurna dengan orang sekeliling, selain mengakibatkan mereka yang mengalami masalah ini mempunyai kekurangan dalam kemahiran komunikasi dan bahasa secara lisan atau tulisan. Mereka ini juga kurang upaya untuk menyampaikan apa yang difikirkan atau ingin diperkatakan serta sukar memahami apa yang diperkatakan oleh orang lain.

Selain itu, kanak-kanak bermasalah pembelajaran menghadapi kesukaran dalam pembelajaran disebabkan oleh faktor biologi dan faktor persekitaran. Pelajar bermasalah pembelajaran menghadapi masalah dalam kognitif, akademik, sosial dan emosi serta tingkah laku. Penaksiran pelajar bermasalah pembelajaran boleh dilakukan melalui beberapa kaedah seperti RTI yang digunakan untuk mengenalpasti kewujudan masalah pembelajaran. Selain itu, penaksiran formal dan penaksiran tidak formal juga boleh digunakan. Terdapat beberapa penempatan yang ditawarkan serta kaedah pengajaran yang sesuai dalam mengatasi serta membantu masalah perkembangan pembelajaran kanak-kanak bermasalah pendengaran bagi memastikan pembelajaran mereka dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Masalah pendengaran membawa impak besar terhadap perkembangan kanak-kanak. Pengesahan masalah pendengaran yang awal amat penting supaya kanak-kanak menerima intervensi awal. Intervensi awal lazimnya memberi keputusan yang lebih baik. Intervensi awal seperti terapi pertuturan, fisioterapi, rawatan perubatan, pendidikan perlu disegerakan supaya mereka yang mengalami masalah pendengaran ini turut mendapat sokongan dan pendidikan yang sewajarnya. Selain itu, sokongan dan kerjasama yang baik antara ahli terapi, guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling menjadi tunjang utama dalam keberkesanan dalam setiap intervensi yang diterima dan dilakukan

## **RUJUKAN**

<https://sekelipmata.wordpress.com/about/jenis-kanak-kanak-berkeperluan-khas/masalah-pendengaran/>

<https://www.hearme.my/articles/masalah-pendengaran-dalam-kalangan-kanak-kanak>

<https://mageswary.wordpress.com/kaedah-pengajaran-bahasa-isyarat/>

[https://www.academia.edu/16567560/HURAIKAN\\_KURIKULUM\\_BERMASALAH\\_PENDENGARAN\\_BERDASARKAN\\_TEMA\\_PENDEKATAN\\_PENGAJARAN](https://www.academia.edu/16567560/HURAIKAN_KURIKULUM_BERMASALAH_PENDENGARAN_BERDASARKAN_TEMA_PENDEKATAN_PENGAJARAN)

<https://www.slideshare.net/atiqahlati/masalah-pembelajaran-15448562>

[https://www.slideshare.net/ami\\_nah/kesan-masalah-pendengaran-terhadap-perkembangan](https://www.slideshare.net/ami_nah/kesan-masalah-pendengaran-terhadap-perkembangan)

Aidah Alias, Mustaffa Halabi Azahari & Adzrool Idzwan Ismail. (2013). Enhancing Learning Ability among Deaf Students By Using Photographic Images. The Asian Conference on Arts & Humanities 2013 Official Conference Proceedings, Osaka, Japan. Pg. 487-494. The Asian Conference on Arts & Humanities 2013 Official Conference Proceedings 2013.

Asmah Haji Omar. (1984). Pengajaran Bahasa Malaysia Dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bee, H. (1995). The Developing Child. New York: Harper Collins Publishers. International Journal of Education and Research Vol. 3 No. 3 March 2015.

Chua, T.T. and Koh B.B. (1992). Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan Asas Siri Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kementerian Pendidikan Malaysia.